

BAB PERTAMA

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Dewasa ini, perihal pentingnya menguasai bahasa-bahasa asing memang tidak dapat dinafikan lagi. Selaras dengan perkembangan ekonomi dan perluasan kegiatan perdagangan Malaysia dengan negara-negara luar, sistem pendidikan kita juga seharusnya sesuai dengan perkembangan-perkembangan yang berlaku, terutamanya dalam memenuhi keperluan-keperluan yang timbul yang mana salah satu daripadanya ialah keperluan kepada personal yang mampu menguasai bahasa-bahasa teknologi dan perdagangan dunia yang utama seperti bahasa-bahasa Sepanyol (yang digunakan dengan meluas di Amerika Selatan), Perancis (di sebahagian besar benua Afrika), German, Arab, Jepun dan Mandarin (BPPDP, KPM 1999 : 1).

Dalam Perancangan Strategik dan Sasaran Kerja Utama Kementerian Pendidikan Malaysia yang disediakan oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 1995, pengwujudan masyarakat pelbagai bahasa dalam rangka Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar utama menjadi salah satu anjakan 'fundamental' dengan tujuan untuk melahirkan warga Malaysia yang boleh menguasai dua atau lebih bahasa, tidak termasuk bahasa ibunda. Di antara langkah-langkah yang telah dan sepatutnya

diambil termasuk penyediaan kertas dasar mesyuarat dwi-bahasa, memasukkan pengajian bahasa-bahasa tambahan dalam waktu persekolahan, penyediaan guru-guru yang berkelayakan untuk mengajar bahasa-bahasa yang berkenaan dan mewujudkan sebuah pusat bahasa (BPPDP, KPM 1999 : 1).

Salah satu bahasa yang menjadi sasaran utama tersebut adalah bahasa Arab. Bahasa Arab adalah sangat mustahak kepada negara Malaysia kerana kira-kira enam juta daripada penduduknya beragama Islam. Seseorang yang menganut Islam wajiblah memahami agama yang dianutinya dengan betul. Tujuan tersebut tidak akan tercapai melainkan apabila ia mempunyai pengetahuan bahasa Arab yang luas (Ishak Mohd Rejab 1993 : 243). Pengajaran bahasa Arab bermula di peringkat sekolah rendah, menengah dan seterusnya pusat pengajian tinggi.

Meskipun subjek bahasa Arab telah lama diperkenalkan, namun terdapat di kalangan guru melahirkan perasaan kurang senang terhadap sikap minat kepada bahasa Arab yang ditunjukkan oleh murid-murid. Oleh itu mereka berkata sikap tersebut merupakan masalah kepada pengajaran bahasa Arab itu. Di negara ini terdapat setengah pelajar yang minat mereka tidak berterusan, semasa mereka berada di tingkatan satu, mereka sangat meminati subjek bahasa Arab, tetapi setelah mereka sampai ke tingkatan tiga, minat mereka dalam mata pelajaran bahasa Arab berkurangan (Ishak Mohd Rejab 1993 : 240).

Masalah pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia tidak akan dapat diatasi melainkan setelah dikenal pasti segala punca yang menyebabkan


timbulnya permasalahan itu. Apabila punca-punca tersebut telah dikenal pasti, maka tindakan segera hendaklah diambil untuk mengatasinya. Tanpa berbuat demikian, ia akan berterusan (Ishak Mohd. Rejab 1993 : 237). Sehubungan dengan itu, ilmu psikolinguistik adalah amat penting untuk difahami dengan mendalam oleh seseorang guru yang terlibat secara langsung dalam profesi pendidikan. Ini bertujuan memastikan implikasi sesuatu pengajaran bahasa itu dapat difahami dan dikenal pasti dengan sebaik mungkin. Ini kerana psikolinguistik merupakan satu ilmu yang cuba menghuraikan proses-proses psikologi yang terjadi apabila seseorang mengucapkan ayat-ayat yang didengarnya pada waktu berkomunikasi dan bagaimana kebolehan itu diperoleh manusia (cf. Miller 1964; Slobin 1974; Slama- Cazaku 1973)- (Dipetik dari Mangantar Simanjuntak 1987 : 1).

Ini kerana pada peringkat teoretis, tujuan utama psikolinguistik ialah mencari satu teori bahasa yang munasabah dan unggul dari segi linguistik dan psikologi yang mampu menerangkan hakikat bahasa dan pemerolehannya. Dengan kata lain psikolinguistik cuba menerangkan hakikat struktur bahasa dan bagaimana struktur ini diperolehi dan digunakan pada waktu bertutur dan memahami ayat (ujaran-ujaran) bahasa. Pada peringkat praktisnya psikolinguistik cuba menerapkan pengetahuan linguistik dan psikologi kepada masalah-masalah seperti pengajaran dan pembelajaran bahasa, pengajaran pembacaan permulaan dan pembacaan lanjutan, kedwibahasaan (bilingualism) dan kemultibahasaan (multilingualism) (Mangantar Simanjuntak 1987 : 2).

Menyedari hakikat ini, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengadakan berberapa program untuk memajukan mata pelajaran bahasa Arab. Walaubagaimanapun, kelemahan dan kemerosotan mutu bahasa Arab di kalangan pelajar kini telah menjadi isu hangat yang sering dibincangkan dalam pelbagai peringkat seminar bahasa Arab yang dianjurkan di negara ini. Gejala ini sudah semestinya berpunca dari berberapa faktor yang berkaitan dengan proses pengajaran (Osman Hj. Khalid dan Abdul Rahim Haji Ismail 1994).

Terdapat banyak faktor yang sering dikaitkan dengan prestasi dan pencapaian akademik pelajar yang dipersetujui oleh berberapa pengkaji bahawa ia saling berkait antara satu sama lain. Antaranya ialah faktor genetik, persekitaran, sosio-ekonomi keluarga, ibu bapa, budaya keluarga, sekolah, bahan bantu mengajar (BBM), guru, kaedah mengajar, minat dan sikap pelajar (Ahmad Sapiai 1987 : 1). Prestasi guru adalah salah satu daripada faktor-faktor yang mempunyai hubungan dengan prestasi pelajar (AL. Ramaiah 1995: 6) .

Rajah 1.1 di bawah menerangkan dengan lebih jelas lagi perkaitan antara faktor guru yang boleh menjadi faktor pengukuh dan pelemah dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa asing terutamanya bahasa Arab yang boleh mempengaruhi penguasaan pelajar.



Rajah 1.1 : Model Konseptual, (dipetik dari BPPDP, KPM 1999 : 5)

Proses pengajaran dan pembelajaran berkait rapat dengan faktor-faktor seperti penyeliaan, pencerapan, pengujian, kemudahan serta masalah fizikal dan bukan fizikal yang secara langsung akan menentukan kejayaan perlaksanaan pengajaran dan pembelajaran. Di samping itu, faktor-faktor guru dan pelajar juga

mempengaruhi perlaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran tersebut (BPPDP, KPM 1999 : 4).

Walaupun prestasi pelajaran murid tidak dipengaruhi secara langsung oleh personaliti guru, namun ia boleh memberi kesan kepada tingkah laku murid dalam bilik darjah. Corak dan bentuk tingkah laku murid-murid boleh mempengaruhi minat dan daya tumpuan mereka terhadap pengajaran guru ketika itu. Perubahan tingkah laku melalui pembelajaran dalam erti kata yang sebenar adalah perubahan yang lebih maju, lebih tinggi dan lebih baik daripada tingkah laku yang sedia ada sebelum aktiviti pembelajaran. Perubahan tingkah laku selepas aktiviti pembelajaran, hendaklah dapat dinaikkan daripada satu tahap yang rendah kepada tahap yang lebih tinggi (Mok Soon Sang 1996 : 172).

Dari itu, adalah perlu dan penting bagi setiap guru menyedari apakah bentuk pendekatan atau sifat yang patut diwujudkan semasa mereka mengajar dalam bilik darjah untuk menjamin minat dan motivasi pelajar berada pada tahap yang optima. Secara lebih khusus sifat guru boleh dilihat dari segi sifat moral guru itu, sifat hubungan sosial guru dan personaliti guru. Namun pengkaji hanya memfokuskan personaliti guru sebagai salah satu punca menyumbangkan pengaruh kepada tingkah laku dan minat pelajar dalam subjek bahasa Arab.

Pengkajian mengenai personaliti merupakan salah satu daripada bidang kajian psikologi yang amat mustahak dan menarik perhatian (Omardin Ashaari 1985 : 2). Menurut beliau, personaliti adalah seluruh tindak balas seseorang itu dan ini termasuk juga kehidupan sosial, emosi, motivasi, paras wajah, minat, perasaan

dan tindakbalas terhadap alam sekitar. Personaliti juga merupakan bentuk perangai dan kualiti tingkah laku seseorang individu itu sebagaimana yang dilihat dari kegiatan fizikal, cara berfikir dan falsafah hidupnya (Ibid, 1985 : 5).

Personaliti menggambarkan sifat keperibadian seseorang. Ia selalu dikaitkan dengan perwatakan. Personaliti seseorang hanya dapat dikaji melalui tingkah laku, percakapan dan cara menyelesaikan masalah. Kita tidak akan mengetahui personaliti seseorang tanpa berinteraksi dengannya. Dengan mengetahui personaliti orang yang bakal kita temui (bagi guru atau pengajar, muridnya), kita dapat menyediakan diri kita supaya kita dapat mencapai matlamat interaksi itu (Abdul Majid Mohd Isa dan Rahil Mahyuddin 1997 : 64).

1.2 Objektif Kajian

Personaliti dan keperibadian guru sangat penting dalam mengubah norma tingkah laku serta mencorak minat pelajar dalam pembelajaran. Apabila kecenderungan pelajar untuk mempelajari sesuatu bahasa itu dengan bersungguh-sungguh terbentuk, maka sudah pasti akan menghasilkan natijah kecemerlangan dalam prestasi akademik mereka. Kajian yang dijalankan ini adalah bertujuan :

- a. Mengenal pasti ciri sahsiah atau personaliti yang ditonjolkan oleh guru dalam proses pengajaran di dalam bilik darjah. Trait personaliti yang dijadikan kajian ialah fleksibiliti (mudah lentur), pemilihan kaedah yang sesuai dengan perancangan mengajar, tegas, bertanggungjawab,

- bijaksana dan berbudi bicara, kepimpinan, suara dan pakaian, ramah mesra dan kawalan emosi yang tinggi serta menyukai kanak-kanak.
- b. Melihat latar belakang akademik guru serta faktor yang mempengaruhi minat dan teknik pengajaran mereka iaitu ; institusi pendidikan guru, kursus yang dihadiri dalam perkhidmatan, tempoh perkhidmatan guru dan bilangan pelajar dalam sesebuah kelas.
 - c. Mencungkil bentuk tindak balas pelajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran menurut pandangan guru bahasa Arab yang terdiri daripada tingkah laku, penyertaan dan respon, kesediaan serta tumpuan pelajar.
 - d. Mengaitkan pengaruh personaliti guru dengan minat dan tingkah laku pelajar di dalam bilik darjah. Trait yang manakah boleh merangsang minat dan tingkah laku pelajar dan sebaliknya.

1.3 Batasan Kajian

Penulis akan mengkaji tentang ciri personaliti yang ditonjolkan oleh guru semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Adakah ia boleh mempengaruhi minat dan motivasi pelajar menengah rendah dalam mempelajari Bahasa Arab Komunikasi di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Sheikh Haji Othman Abdul Wahab (SHOAW), Kuching, Sarawak. Kajian yang akan dilakukan ini hanya terbatas kepada pelajar menengah rendah dalam tingkatan satu dan dua sahaja.

Ciri personaliti guru yang dijadikan kajian ialah fleksibiliti (mudah lentur), pemilihan kaedah yang sesuai dengan perancangan mengajar, tegas,

bertanggungjawab, bijaksana dan berbudi bicara, kepimpinan, suara dan pakaian, ramah mesra dan kawalan emosi yang tinggi serta menyukai kanak-kanak.

Selain itu, kajian ini juga melibatkan tujuh orang guru bahasa Arab tingkatan satu dan dua di SMKA SHOAW serta tiga orang guru bahasa Arab yang berpengalaman luas dalam pengajaran bahasa Arab, iaitu seorang daripada Kolej Islam Sultan Alam Shah (KISAS), Klang, Selangor, seorang daripada Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Maahad Hamidiah, Kajang, Selangor dan seorang guru cemerlang daripada SMKA SHOAW sendiri. Pengkaji menjalankan temubual untuk mendapat maklumat dan gambaran yang lebih jelas tentang pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab Komunikasi.

Hasil daripada kajian tersebut kemungkinan akan dapat menyumbangkan serba sedikit metod yang paling berkesan dalam proses pengajaran bahasa Arab di Sekolah Menengah Kerajaan Agama di Bandaraya Kuching, Sarawak.

1.4 Masalah Kajian

Meskipun faktor personaliti tidak menyumbangkan secara langsung peningkatan prestasi akademik pelajar, namun personaliti guru boleh memberi kesan kepada tingkah laku murid dalam bilik darjah. Tingkah laku ini boleh mempengaruhi iklim pembelajaran, penumpuan serta motivasi mereka dalam proses pengajaran dan pembelajaran seterusnya boleh meningkatkan pencapaian akademik pelajar.

Dalam menjalankan kajian ini, beberapa masalah dihadapi oleh pengkaji yang melibatkan berberapa pihak sama ada secara langsung ataupun tidak. Antaranya

ialah respon daripada responden yang terdiri daripada guru dan pelajar di SMKA SHOAW, Kuching, Sarawak di dalam menjawab soalan soal selidik. Terdapat sebilangan kecil daripada guru dan pelajar tidak menjawab keseluruhan soalan soal selidik, dan terdapat jawapan yang tidak menepati kehendak soalan. Ini menimbulkan masalah kepada pengkaji dalam mengumpul maklumat dan mendapatkan jawapan yang tepat. Sehubungan itu, pengkaji terpaksa memilih borang-borang soal selidik yang mengandungi jawapan yang menepati kehendak soalan. Oleh itu, pengkaji hanya memilih 240 daripada 341 borang soal selidik yang terdiri daripada pelajar tingkatan satu dan dua.

Pada awalnya pengkaji telah mengagihkan 540 borang soal selidik kepada semua pelajar tingkatan satu, dua dan tiga. Kajian terhadap semua pelajar menengah rendah terpaksa dibataskan hanya kepada pelajar tingkatan satu dan dua sahaja kerana pengkaji menerima arahan daripada Kementerian Pendidikan Malaysia supaya tidak melibatkan pelajar tingkatan tiga. Ini kerana kelas ini akan menghadapi peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR).

1.5 Definisi Istilah

Istilah penting bagi tajuk dalam kajian ini akan diuraikan dengan terperinci untuk memudahkan pemahaman dan tafsiran. Berikut, pengkaji mendefinisikan berberapa istilah.

1.5.1 Personaliti guru

Personaliti berasal dari perkataan Latin 'person' yang bermaksud topeng. Pelakon yang memakai topeng akan melakonkan watak yang jahat. Jadi personaliti ialah

berkaitan antara pemikiran, emosi dan perasaan dengan perlakuan manusia. Bagaimana manusia menggambarkan pemikiran, emosi dan perasaan mereka adalah perkara yang menjadi kajian ahli psikologi personaliti (Abd Majid mohd Isa dan Rahil Mahyuddin : 64).

Menurut Frued, ada tiga komponen personaliti iaitu id,ego dan superego. Id merupakan sumber bagi tenaga psikik manusia yang terdiri daripada naluri semulajadi iaitu makan, minum, pembuangan dan seksual. Id menuntut supaya dipenuhi segera dan beroperasi atas prinsip keseronokan. Superego pula ialah nilai dan norma masyarakat yang merupakan satu perlakuan yang unggul. Kompromi antara id dan superego melahirkan ego iaitu perlakuan yang lebih rasional dan berasaskan realiti (Abd Majid Mohd Isa dan Rahil Mahyuddin 1997 : 67).

Allport menerangkan personaliti sebagai organisasi dinamik sistem psikofizikal pada seseorang individu yang menentukan tingkah laku dan fikirannya secara khusus. Dinamik membawa maksud perubahan yang boleh berlaku di dalam kualiti tingkah laku seseorang individu. Organisasi membawa implikasi bahawa semua trait seperti kerajinan, kesabaran dan daya pujuk adalah saling berkait. Sistem psikofizikal pula merujuk kepada tabiat, sikap, nilai, kepercayaan, kebiasaan, emosi dan sentimen yang terdapat dalam bentuk psikologi tetapi yang mempunyai asas fizikal di dalam urat saraf dalam tubuh badan.

Dalam konteks situasi pendidikan, daripada kaca mata murid-murid, guru ialah seorang yang bijaksana, berilmu pengetahuan, bertanggungjawab, mempunyai sahsiah yang disanjung serta berwibawa. Sehubungan dengan itu, tugas guru

sebagai seorang pemimpin untuk kumpulan-kumpulan murid adalah memberi arahan, membimbing dan mengagihkan kerja yang sesuai kepada mereka. Di samping itu guru harus bertimbang rasa seperti mendengar pandangan, idea dan cadangan kumpulan-kumpulan serta menjaga kepentingan dan perasaan muridnya. Guru yang dapat memainkan peranan sebagai ketua kumpulan murid akan dapat menggerakkan murid ke arah pencapaian matlamat pendidikan yang telah ditentukan pada tahap yang optimum (Mok Soon Sang 1998 : 210).

Antara ciri dalam personaliti yang harus ada pada seorang guru ialah

(Ahmad Sapiai @ Shazili Shafie 1987 : 7) :

- *Fleksibel (mudah lentur)* iaitu adanya perlenturan atau mudah berubah pada perasaan, fikiran atau tingkah laku seseorang untuk menyesuaikan diri dengan keadaan.
- *Kesanggupan memilih kaedah-kaedah atau aturcara-aturcara mengikut sebagaimana yang dikehendaki dalam perancangan mengajar.*
- *Tegas* adalah satu sifat yang dapat diertikan sebagai kata-kata atau pemikiran yang tidak diragui atau tidak samar-samar atau dinyatakan dengan tepat.
- *Bertanggungjawab* iaitu berkewajipan terhadap atau dalam sesuatu perkara.
- *Bijaksana dan berbudi bicara.* Bijaksana bermaksud arif, pandai, cerdik dan berhati-hati, manakala berbudi bicara membawa maksud berakal, berbudi, bijaksana, berkelakuan baik, baik akhlak, bersopan dan baik hati serta pemurah.
- *Boleh mengetuai* bererti boleh menjadi ketua atau menjadi pemimpin.

- *Suara* merupakan faktor penting bagi seseorang guru jika hendak mengajar dengan berkesan.
- *Rupa paras* ditakrifkan sebagai perihal sesuatu benda yang kelihatan dari luar atau sifat sesuatu pada lahirnya, anggota badan atau pakaian.

1.5.2 Pelajar

Menurut Kamus Dewan (1993) , apa yang dimaksudkan dengan pelajar ialah orang yang belajar (seperti murid sekolah, penuntut di maktab dan sebagainya) atau yang mengkaji (menyelidik ilmu). Takrif pelajar boleh dirumuskan sebagai orang perseorangan yang masih menuntut di mana-mana peringkat pengajian dari yang serendah-rendahnya sehingga peringkat yang teratas.

1.5.3 Menengah

Menengah membawa maksud sekolah peringkat menengah yang penuntut-penuntutnya berumur di antara 13 tahun hingga 19 tahun (selepas pendidikan awal di sekolah rendah) (Ibid, 1993). Kamus Pelajar Bahasa Melayu (1988 : 706) pula mentakrifkan menengah sebagai peringkat antara sekolah rendah dan sekolah tinggi.

1.5.4 Bahasa Arab

Menurut Kamus Dewan 1992 (78), bahasa merupakan sistem lambang-lambang bunyi suara yang dipakai sebagai alat perhubungan dalam lingkungan satu kelompok manusia. Oleh itu, bahasa Arab merupakan bahasa al-Quran sebagai alat perhubungan antara manusia (umat Islam) dan penciptanya .

Bahasa Arab adalah diumumkan sebagai bahasa rasmi oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu selain beberapa bahasa lain (MII Bakalla 1984 : 8).

Bahasa Arab yang diturunkan al-Quran ialah bahasa Arab fusha, sekarang dianggap sebagai bahasa suci (Sacred language) kerana hanya digunakan untuk membaca al-Quran dan bersembahyang, manakala bahasa penulisan dan perantaraan di badan penyiaran kepada seluruh dunia Arab ialah bahasa Arab standard.

Ketika Rasulullah (S.A.W) dibangkitkan, bahasa Arab dinaikkan taraf sebagai satu mukjizat yang besar di mana semua bangsa menumpukan perhatian kepada bahasa Arab. Bahasa Arab merupakan tali penghubung di antara bangsa Arab dengan bangsa lain, khususnya yang beragama Islam, di mana bahasa Arab digunakan untuk menimba berbagai bidang ilmu Islam ('Ali Abdul Wahid al-Wafi 1962 : 104).

1.5.5 Komunikasi

Werner J. Severin dan W. Tankard Jr. (1988 : 8) dalam buku mereka 'Teori Komunikasi' telah menyenaraikan berberapa definisi yang berbeza berkaitan dengan komunikasi. Antara definisi tersebut ialah :

- i. Komunikasi ialah satu cara untuk menimbangkan makna perkataan dengan melihat aspek perkongsian dalam bahasa lain. Perkataan komunikasi berasal dari perkataan Latin '*communicare*' yang bermaksud persamaan.

- ii. Definisi kedua berkaitan dengan pengaruh kesengajaan yang boleh dikatakan bahawa ‘komunikasi’ merupakan satu proses seorang individu menghantar rangsangan untuk mengubahsuai tingkah laku individu lain’
- iii. Definisi ketiga berkait rapat dengan pengaruh atau tindak balas dengan tujuan atau tanpa tujuan yang boleh dikatakan bahawa ‘Komunikasi ialah prosedur dengan satu mekanisme mempengaruhi mekanisme yang lain’.

Berdasarkan definisi-definisi di atas, dapat disimpulkan bahawa *Bahasa Arab Komunikasi* ialah bahasa standard yang suci dan merupakan antara bahasa kedua yang diajar di sekolah-sekolah tertentu di Malaysia. Ia diajar dengan menumpukan pengajaran terhadap perantaraan atau kaedah penggunaan yang perlu diketahui oleh seseorang pelajar bahasa asing dalam konteks sosial untuk menghasilkan ungkapan dan ayat yang betul.

Bahasa Arab Komunikasi dikelasifikasi sebagai mata pelajaran tambahan pada peringkat menengah rendah dan sebagai mata pelajaran elektif pada peringkat menengah atas.

Pengajaran komunikasi menekankan tugas bahasa bersama dengan komponen ayat di dalam pengajaran satu-satu bahasa asing. Ini disebabkan kedua-dua aspek tersebut menuju ke arah komunikasi yang bermakna dan menjadi teras di dalam komunikasi. Ia merupakan satu-satu kemahiran yang diperlukan dalam proses berkomunikasi dan ini boleh dihasilkan dengan baik jika pembelajaran berlaku dalam situasi yang sebenar.

Mengikut 'Abd al-Sabūr Syāhīn (1986: 30) : "Teknik ini lahir kesan dari kegagalan teknik terjemahan, iaitu mengajar bahasa asing melalui bahasa asing itu sendiri tanpa menggunakan perantaraan sama ada bahasa pelajar atau bahasa lain yang dikuasainya.

Kaedah ini diperkenalkan oleh Michell West di India dan Harold Palmer pada tahun 1920-1935. Ia adalah cara yang baik untuk mengajar bahasa asing kerana ia menggunakan teknik semulajadi seperti kanak-kanak mempelajari bahasa ibunda. Arif Abu Khudairi (1993 : 7) mengatakan bahasa pada asasnya adalah bahasa pertuturan dan bukan penulisan. Oleh itu murid hendaklah menumpukan perhatian kepada mempelajari bahasa dan bukannya tentang bahasa.

1.6 Latar Belakang Bahasa Arab di Sekolah Menengah Kebangsaan

Kurikulum Bahasa Arab di sekolah menengah kebangsaan mula digubal secara rasmi mulai 1 Januari 1977 dengan pengambilan sebelas buah Sekolah Menengah Agama negeri dan rakyat. Sekolah-sekolah berkenaan kemudiannya dinamakan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA). Sehingga kini terdapat 56 buah SMKA di seluruh negara. Pada tahun 1988, Kementerian Pendidikan telah membuka kelas aliran agama (KAA) di Sekolah-Sekolah Menengah Kebangsaan harian. Sehingga kini terdapat lebih 350 buah Sekolah Menengah Kebangsaan harian yang menawarkan KAA (BPI, KPM 2000: 1).

Dalam tempoh empat tahun pertama penubuhan SMKA, kurikulum bahasa Arab didasarkan kepada prosidur peperiksaan mata pelajaran ini yang sedia ada di Lembaga Peperiksaan Malaysia. Pada tahun 1981, Bahagian Pendidikan Islam

telah menyediakan dua Sukatan Pelajaran (SP) bahasa Arab; satu SP untuk digunakan di semua SMKA dan satu lagi digunakan di Sekolah Berasrama Penuh tertentu. Kandungan SP tersebut lebih mengutamakan penguasaan morfologi dan sintaksis dengan harapan utama untuk membolehkan murid-murid memahami teks asas dari al-Quran dan al-Sunnah.

Mulai tahun 1980, Kementerian Pendidikan mengadakan latihan khusus kepada guru-guru bahasa Arab di dalam dan luar negara termasuk di Arab Saudi dan Sudan. Pada tahun 1984 pula Kementerian Pendidikan dengan kerjasama The Islamic Educational, Scientific and Cultural Organization (ISESCO) telah menganjur berberapa siri kursus dalam perkhidmatan bagi guru-guru bahasa Arab. Melalui kursus-kursus tersebut guru-guru bahasa Arab mula didedahkan dengan pendekatan komunikatif dalam pengajaran bahasa Arab (BPI, KPM 2000: 1).

Di samping itu usaha bagi memantapkan buku teks bahasa Arab menggunakan pendekatan komunikatif telah dimulakan pada tahun 1986 dan usaha bagi menulis buku panduan guru untuk buku teks tersebut juga telah dimulakan pada tahun 1988. Proses penulisan buku-buku tersebut telah dilakukan di bawah pengawasan pakar-pakar bahasa Arab dari ISESCO.

Apabila Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) dilaksanakan, Kurikulum Bahasa Arab juga digubal semula. SP bahasa Arab ini, dilaksanakan di semua SMKA, KAA dan SBP mulai tahun 1991. Pada peringkat awal, namanya kekal dengan nama bahasa Arab. Sehingga pada 12 Jun 1991, Jawatankuasa Kurikulum Pusat (JKP) telah memutuskan supaya nama Bahasa Arab diubah

kepada Bahasa Arab Komunikasi (BAK). Selain daripada itu JKP juga meluluskan mata pelajaran baru iaitu Bahasa Arab Tinggi (BAT) dan dilaksanakan mulai 1992. Ini bermaksud BAK dan BAT mempunyai SP dan huraian yang berbeza. Begitu juga dengan format peperiksaan dan buku teks (BPI, KPM 2000: 2).

1.6.1 Status bahasa Arab di Sekolah Menengah Kebangsaan

Dalam Akta Pendidikan 1996 dinyatakan dengan jelas status bahasa Arab. Perkara menyatakan seperti berikut :

Seksyen 2. (d) di mana kemudahan bagi pengajaran -

(iii) bahasa Arab, Jepun, Jerman atau Perancis atau mana- mana bahasa asing lain bolch diadakan jika didapati munasabah dan praktik berbuat sedemikian;

Perlaksanaan Bahasa Arab sebagai salah satu mata pelajaran di sekolah dinyatakan dalam "Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Pendidikan) 1997 - Jadual 3, Jadual 8 dan Jadual 9" seperti berikut :

- 2.1 Bahasa Arab Komunikasi sebagai Mata Pelajaran Tambahan
- 2.2 Bahasa Arab Tinggi sebagai Mata Pelajaran Elektif
- 2.3 Bahasa Arab Rendah sebagai Mata Pelajaran Tambahan

Peruntukan waktu minimum seminggu bagi mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi ialah enam waktu x 40 minit dan bagi Bahasa Arab Tinggi ialah empat waktu x 40 minit. Manakala peruntukan waktu minimum seminggu bagi

Bahasa Arab Rendah yang dicadangkan dalam mesyuarat JKP Bil 2/96 ialah empat waktu x 30 minit (BPI, KPM 2000 : 4).

1.6.2 Matlamat dan tujuan Bahasa Arab Komunikasi

Pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab yang sudah berjalan secara tradisinya lebih mengutamakan penguasaan sintaksis dan morfologi dengan tujuan utama memahami al-Quran dan al-Sunnah. Pendekatan sukatan ini ialah untuk memberi ilmu bahasa. Manakala aspek penggunaan bahasa dalam erti kata yang luas tidak diberi tumpuan. Pada tahun 1989, KBSM telah mula dilaksanakan dan ia melibatkan perubahan yang menyeluruh pada struktur mata pelajaran dan strategi pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu Sukatan Pelajaran bahasa Arab juga telah digubal semula yang dikenali dengan nama Bahasa Arab Komunikasi (BAK). Matlamat BAK ialah untuk membolehkan pelajar-pelajar berbangga dengan bahasa Arab sebagai bahasa al-Quran, menguasai kemahiran-kemahiran asas bahasa ke arah *memahami* teks al-Quran, al-Hadith dan bahan-bahan rujukan Islam yang lain. Ia juga untuk membolehkan pelajar *berkomunikasi* menggunakan bahasa yang mudah di samping berminat mendengar dan membaca bahan-bahan ilmiah dalam bahasa Arab serta menikmati keindahan bahasa (BPI, KPM 1992).

1.6.3 Objektif (BPI, KPM 2000 : 4)

Objektif Bahasa Arab Komunikasi adalah supaya pelajar-pelajar dapat :

- a. Mendengar bacaan al-Quran dan al-Hadith al-Syarif serta memahami makna kedua-dua secara umum.
- b. Mendengar dan memahami siaran dalam bahasa Arab.

- c. Bertutur dengan fasih dan betul serta memberikan pendapat dan hujah-hujah dalam situasi itu.
- d. Membaca pelbagai jenis bacaan dengan kritis serta dapat mentafsir dengan penilaian dan rumusan yang wajar.
- e. Menulis karangan yang meliputi pelbagai jenis penulisan.
- f. Menguasai sekurang-kurangnya 5,000 patah perkataan bahasa Arab.
- g. Menguasai penggunaan tatabahasa.
- h. Menggunakan kamus bahasa Arab.

(BPI, KPM 1992)

1.6.4 Kandungan dan strategi

Sukatan Pelajaran ini menekankan empat kemahiran iaitu kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis. Kemahiran ini diajar secara bersepadu supaya penggunaan dan amalan bahasa dapat dikuasai secara seimbang antara keempat-empat kemahiran tersebut. Konteks penggunaan bahasa merangkumi situasi sebenar di rumah, di sekolah, dalam masyarakat dan berdasarkan teks al-Quran dan al-Hadith. Penggunaan situasi di atas bergantung kepada kemampuan dan perkembangan pelajar-pelajar.

Penggunaan bahasa dan struktur ayat dalam pengajaran dan pembelajaran dipermudahkan di samping membuka ruang kebebasan mengamalkan bahasa mengikut kemajuan pelajar, terutama untuk peringkat Penilaian Menengah Rendah (PMR). Pengajaran bahasa ditumpukan kepada peraturan-peraturan dan kaedah penggunaan bahasa yang perlu diketahui oleh seorang pelajar bahasa asing

dalam konteks sosial, bukan semata-mata mahir dalam bidang morfologi dan sintaksis untuk menghasilkan ayat atau ungkapan yang betul.

Dari segi perlaksanaannya, mata pelajaran ini disenaraikan di bawah mata pelajaran tambahan, dengan peruntukan masa sebanyak enam waktu seminggu, setiap waktu pengajaran mengandungi 40 minit (BPI, KPM 1992).

1.6.5 Penilaian dan peperiksaan

Sesuai dengan konsep KBSM, penilaian mata pelajaran ini perlu mempunyai ciri-ciri berikut ;

- a. Lebih bersifat formatif
- b. Menekankan tindakan susulan dijalankan
- c. Bersistem dan berterusan
- d. Menggunakan pelbagai kaedah
- e. Dikendalikan oleh guru
- f. Menggalakkan penilaian kendiri oleh pelajar

Dari segi peperiksaan awam untuk mata pelajaran ini pada peringkat PMR dan SPM keputusannya bergantung kepada pihak Lembaga Peperiksaan Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia. Walau bagaimanapun perubahan perlu dibuat dalam peperiksaan tersebut terutamanya dari segi struktur, bentuk dan penekanan kemahiran-kemahiran yang diuji sesuai dengan kandungan Sukatan Pelajaran ini.

Rumusannya ; Bahasa Arab Komunikasi telah dipermudahkan mempunyai matlamat yang lebih umum dan terbuka, ia telah dicadangkan untuk ditawarkan

kepada semua pelajar yang berminat di sekolah-sekolah menengah kebangsaan. Tawaran ini akan dilaksanakan secara berperingkat tertakluk kepada kemampuan menyediakan guru bahasa Arab yang mencukupi. Pelajar-pelajar yang menamatkan persekolahan mereka dengan mendapat kepujian atau cemerlang dalam Bahasa Arab Komunikasi adalah sesuai dan mampu melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi di dalam dan luar negeri. Bahasa Arab Komunikasi berbeza dari Bahasa Arab Tinggi terutama dari segi aras serta laras bahasa, bidang dan konteks penggunaan.

Walau bagaimanapun SP dan Huraian Sukatan Pelajaran (HSP) Bahasa Arab Komunikasi dan Bahasa Arab Tinggi yang sedia ada telah disemak semula dan akan dilaksanakan pada tahun 2003 (sila rujuk lampiran 1) (BPI, KPM 2000: 2).

SP Bahasa Arab Komunikasi Edisi Penyemakan dan SP Bahasa Arab Tinggi Edisi Penyemakan telah diterima oleh Mesyuarat JKP Bil 2 / 2000. (Sila rujuk lampiran 1)

1.7 Tinjauan Kajian Berkaitan

Terdapat pengkaji yang meninjau faktor latar belakang dan taraf sosial keluarga dan mendapati ia lebih mempengaruhi pencapaian pelajar. Ini kerana faktor tersebut agak ketara dan menonjol. Antara pengkajinya ialah (Kurtz dan Swenson 1951), (Sarjit Singh 1973), (Isahak Haroun 1977), (Leigh dan Kathleen 1980), (Hussein 1981). Mereka bersetuju bahawa terdapat korelasi yang bermakna di antara pencapaian akademik pelajar dengan latar belakang keluarga iaitu termasuk taraf pendidikan dan taraf sosio-ekonomi keluarga. Kenyataan di atas juga

disokong oleh Laporan Murad (1973) yang menyatakan bahawa pengaruh latar belakang keluarga (taraf pendidikan, taraf sosio-ekonomi, hubungan ibu bapa , sikap ibu bapa dan lain-lain), rakan sebaya dan persepsi murid terhadap diri mereka sendiri memberi kesan kepada prestasi pencapaian pelajar pada umumnya.

Tidak kurang pula terdapat penyelidik yang mengkaji hubungan antara peranan pengetua terhadap pencapaian akademik pelajar seperti Nor Azizan Haji Yusuff (1998), manakala Kalaivani Muthiah (1999) pula mengkaji tentang gaya dan strategi pembelajaran. Sementara Mohd Salleh Aman (1996) pula melihat penglibatan dalam sukan turut menyumbangkan pengaruh terhadap pencapaian akademik pelajar.

Hubungan di antara sikap pelajar dengan pencapaian akademik mereka telah dikaji oleh Rossi (1969). Kajiannya menunjukkan pencapaian pelajar tidak dapat dipisahkan dari pengaruh faktor sekolah dan sikap pelajar. Fitt (1957) dalam kajiannya di Auckland, New Zealand menunjukkan terdapatnya hubungan yang signifikan di antara sikap dengan pencapaian akademik. Roshell dan Wood (1971) pula mendapatkan bahawa sikap pelajar terhadap sekolah, pelajaran dan teknologi mempunyai kaitan yang rapat dengan pencapaian (dipetik dari Saedah Siraj 1987 : 41).

Sementara pengaruh sikap ibu bapa terhadap pencapaian akademik pelajar telah dikaji dan dilihat oleh Mohd. Zain Zon (1980), Dave (1963), Bodora (1974). Faktor alam sekitar dan minat ibu bapa serta bimbingan mereka terhadap anak-

anak mereka turut ditinjau oleh Hebbs (1949) dan Hollingshead (1949). Manakala Wilson (1966) melihat jantina sebagai faktor yang ada hubungannya dengan pencapaian akademik para pelajar.

Salah satu faktor penting yang tidak dapat dinafikan kesannya terhadap permasalahan ini ialah faktor guru. Sebagai pendidik, kaum guru dari segi profesionaliti, adalah merupakan tokoh utama dan mempunyai kuasa yang penuh dalam melaksanakan tugas mereka. Kaum guru merupakan tokoh yang berkuasa dalam susunan dan struktur yang berbentuk bilik darjah. Tingkah laku sosial dan peribadi pelajar juga terwujud dalam bilik darjah (Omardin Ashaari 1985 : 5). Guru boleh dianggap faktor penentu bagi kejayaan atau kegagalan suatu program pendidikan amnya dan proses pengajaran bahasa khasnya. Ini kerana ada pihak yang terus mengaitkan kelemahan pelajar bahasa Arab di negara ini sebagai berpunca daripada guru (Osman Hj. Khalid dan Abdul Rahim Haji Ismail 1994).

Dapatkan kajian yang dilakukan oleh Mohd Awang (1996) menyatakan bahawa pengajaran bahasa Arab di beberapa buah sekolah menengah kerajaan agama masih pada tahap tidak cekap dan tidak berkesan. Salah satu sebab berlaku demikian kerana ia dibelenggu oleh prestasi guru-guru yang rendah .

Manakala Musa Daia (1971) pula mendapat bahawa faktor guru dan teknik mengajar banyak mempengaruhi prestasi pelajar dalam pencapaian akademik dan Zakaria Abdul Rahman (1984) , mengatakan bahawa faktor keberkesanan

pengajaran guru adalah penting dalam menentukan peningkatan prestasi akademik pelajar.

Guru sebagai agen perubahan yang mendidik dan melahirkan generasi yang akan datang, bertanggungjawab merealisasikan cita dan hasrat yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Negara dan Wawasan 2020 berlandaskan matlamat kepada pendidikan negara (Mok Soon Sang 1996 : 168). Telah diterima umum bahawa maju atau mundur satu-satu pelajaran terletak di tangan guru. Tugas guru tidak hanya memberi pelajaran seperti yang tercatat dalam sukanan pelajaran, tetapi juga memupuk minat murid kepada pelajaran yang diajar.

Seorang guru yang tekun dan mempunyai pengetahuan yang luas dalam bidangnya mungkin kurang berjaya dalam tugasnya kalau kaedah yang digunakan kurang baik dan kurang berkesan. Oleh itu guru perlu mereformasikan diri ke arah daya usaha melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran mengajar yang canggih, demi meningkatkan keupayaan dan prestasinya dalam bidang kerja yang kian mencabar.

Meskipun Musa Daia (1971) telah membuat kajian terhadap faktor guru, teknik pengajaran dan alat bantuan mengajar dalam bidang pedagogi, namun faktor personaliti guru dan keterampilannya juga adalah perlu memandangkan sifat dan naluri pelajar yang sangat memerlukan seorang guru yang betul-betul berketerampilan dan menepati kehendak dan citarasa mereka.

Guru perlu sedar bahawa dalam mempelajari sesuatu bahasa bukanlah semata-mata untuk belajar bertutur dalam bahasa itu tetapi adalah juga untuk memperolehi makna atau bentuk konsep dalam pemikiran kita. Pertuturan boleh menandakan bahawa sesuatu bahasa itu telah dipelajari.

Mat Taib Pa (2000 : 1) menyatakan kebanyakan kesulitan yang dihadapi oleh pelajar-pelajar melayu dari sudut kognisi timbul daripada '*kebiasaan berbahasa*' yang mereka praktikkan dan struktur bahasa Melayu yang sebatи dengan pemikiran mereka. Oleh itu perkara ini harus dilihat dari sudut kontrastif Arab-Melayu.

Beliau menambah kesulitan yang timbul dalam mempelajari bahasa Arab dalam hal ini ialah pelajar-pelajar melayu terpaksa berfikir dengan cara baru yang tidak sama dengan cara mereka berfikir ketika menggunakan bahasa Melayu khususnya untuk mereka yang baru mula mempelajari bahasa Arab (Ibid, 2000 : 1).

Sehubungan dengan itu, apakah langkah yang harus dilakukan oleh para guru bagi mengubah dan mengatasi situasi ini untuk meningkatkan pencapaian pelajar dalam subjek bahasa Arab. Banyak kajian telah dijalankan melihat samada terdapat atau tidak hubungan yang berkesan di antara tingkah laku guru terhadap prestasi dan sikap murid-murid.

Hasil daripada kajian mereka melaporkan bahawa adanya dapatan-dapatan yang perlu diteruskan untuk membantu guru dalam menentukan pilihan apa yang sepatutnya dilakukan dalam kelas untuk menghasilkan keberkesanan pengajaran.

Di antara penulisan yang komprehensif berkaitan dengan perlakuan guru dan kesannya terhadap pencapaian murid dalam pendidikan di sekolah ialah Dunkin dan Biddle - *The study of teaching*; Coop and White - *Psychological Concept in The Classroom*; dan tulisan Brophy and Good.- *Teacher- Student Relationship; Causes and Consequences*. Tulisan buku-buku ini menumpukan kepada perspektif tingkah laku guru dan kesannya kepada pencapaian akademik murid. Herbet Kohl's - *36 Children*; John Holt's - *How Children Fail* mendedahkan secara dramatis mengenai sikap dan pengajaran guru di bilik darjah sebagai punca kegagalan murid mengembangkan potensi mereka (dipetik dari Abd Rahim Abd Rashid 1990 : 8).

Terdapat kelemahan yang berlaku di bilik darjah seperti guru masuk lewat berberapa minit, guru tidak mengajar, guru tidak mempunyai persediaan dan kurang berpengetahuan, guru tidak berupaya mengawal bilik darjah (disiplin), pengajaran guru membosankan serta bersifat autokratik, guru tidak mengambil berat masalah-masalah murid, guru mengenakan tindakan menghukum bercanggah dengan prinsip pendidikan, guru lebih banyak menceceh, berleter dan mengajar sesuatu yang tidak relevan dengan objektif pelajaran (Abd. Rahim 1987).

Kajian keciciran menjelaskan, oleh kerana guru menduduki tempat yang istimewa dalam keliling sosial kanak-kanak, maka apa yang dilakukan oleh guru boleh mempengaruhi kanak-kanak, khususnya terhadap gurunya dan sekolah amnya (Abdul Rahim Abd Rashid 1990 : 87).

Terdapat banyak kajian menunjukkan jangkaan iaitu satu aspek penting mengenai sikap guru terhadap konsep kendiri kanak-kanak. Sikap yang ditonjolkan oleh guru-guru melalui jangkaannya terhadap murid mempunyai pengaruh yang kuat kepada 'self-fulfilling' (pemenuhan hasrat diri).

Apa yang penting diketahui ialah murid belajar dengan cara yang paling berkesan apabila sesuatu itu menarik perhatian mereka. Guru perlu mengetahui bahawa motivasi, penglibatan dan perhatian penuh (konsentrasi) adalah tiga perkara yang paling mustahak bagi pembelajaran murid dalam bilik darjah.

Guru yang bersifat dinamik adalah guru yang sentiasa responsif dan berupaya menyesuaikan diri untuk menghadapi perubahan-perubahan dari semasa ke semasa. Hanya guru yang bersifat dinamik dapat menangani cabaran-cabaran baru yang sering timbul (Mok Soon Sang 1998 : 187).

Guru yang superior keberkesanannya ialah guru yang cintakan kerjayanya, seronok mengajarnya dan biasanya mendapat kepuasan jika berjaya menanamkan minat dan cinta yang sama di kalangan pelajarnya (Rahimah Hj. Ahmad 1990).

Barr (1948) menjalankan satu kajian mengenai pengukuran dan ramalan terhadap pengajaran yang baik. Dalam kajiannya itu dia telah merujuk kepada tiga pendekatan yang biasa digunakan dalam mengkaji pengajaran yang baik :

- Perangai dan personaliti serta sifat seseorang guru.
- Kesanggupan dan keupayaan melakukannya.
- Kawalan tingkah laku, sikap, minat dan keunggulan.

Tiga orang pengkaji lagi yang melihat hubungan peribadi guru dengan pelajar yang dikaitkan dengan kemajuan pelajaran pelajar tersebut ialah Lewis, Lovell dan Jesse (1965). Mereka menjalankan penyelidikan terhadap pelajar-pelajar gred enam. Hasil dari kajian mereka mendapati bahawa pelajar yang mempunyai jalinan hubungan yang rapat dengan guru, dari segi psikologi akan memperolehi pencapaian akademik yang tinggi. Ini menunjukkan sifat-sifat guru yang boleh berhubung rapat dengan pelajar boleh juga memberi kesan terhadap pencapaian pelajar.

Fortune (1967) dalam kajiannya mendapati bahawa sifat-sifat kemesraan guru mempunyai hubungan yang signifikan terhadap prestasi pelajaran pelajar. Antara sifat lain yang beliau ukur ialah adil, berat sebelah, demokratik, autokratik, memberi sambutan, menyisihkan diri, saling memahami-bersifat membatasi, baik hati, bengis atau kasar.

Jika dilihat hasil kajian Conners dan Eisenberg (1966) menyatakan bahawa sifat-sifat guru dan hubungannya dengan prestasi pelajaran pelajar adalah signifikan pada empat peringkat sahaja termasuk kemesraan dan kerelaan guru dengan menggunakan 'trichotomized sampel'.

Flora (1960) telah menggunakan lapan ukuran atau dimensi sifat atau tingkah laku guru. Sifat-sifat tersebut adalah :

1. Sikap yang dikehendaki terhadap murid.
2. Tingkah laku-tingkah laku bilik darjah yang mesra dan saling memahami.
3. Kestabilian emosi.
4. Sikap-sikap yang baik terhadap kakitangan sekolah.
5. Tingkah laku guru dalam bilik darjah yang bertanggungjawab, sistematik dan teratur.
6. Tingkah laku guru dalam bilik darjah yang memberangsangkan dan imaginatif.
7. Sikap guru yang baik terhadap amalan demokrasi di dalam bilik darjah.
8. Pendapat-pendapat pembelajaran yang berpusatkan traditionaal dari pembelajaran berpusatkan kebebasan kanak-kanak (dipetik dari Ahmad Sapiai @ Shazili Shafie 1987 : 63-68).

Di sini dapat difahami bahawa dalam melihat keberkesanan pengajaran bahasa Arab kepada pelajar bukan Arab khususnya pelajar Melayu, ciri guru termasuk perwatakan dan personaliti, ketokohan, keunggulan, nilai atau fungsi yang diketengahkan olehnya sebagai seorang model adalah perlu. Secara ringkasnya

setakat mana pelajar meminati guru tersebut merupakan faktor pertama penerimaan dan penguasaan mereka dengan cepat dan berkekalan, selain faktor lain seperti bahan bantu mengajar, persekitaran, rakan sebaya, ibu bapa , latar belakang keluarga, peranan pengetua dan lain-lain lagi.

Veenman (1984) mendapati bahawa guru baru kerap menghadapi masalah antaranya ialah memotivasi murid dan menghadapi perbezaan individu. Cruickshank berpendapat bahawa masalah yang dihadapi oleh guru tidak akan berakhir dengan bertambahnya pengalaman mengajar. Pertambahan pengalaman semata-mata tidak akan membawa banyak perubahan dalam cara pengajaran guru dan teknik kawalan bilik darjah. Kecekapan guru hanya dapat diperbaiki apabila mereka mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang sesuai untuk mengatasi sesuatu masalah.

Sebagai kesimpulannya, berbagai faktor telah dihubungkaitkan dengan tingkat motivasi pelajar di dalam bilik darjah yang saling memerlukan antara satu sama lain. Faktor guru dan keterampilannya kelihatan lebih jelas mempengaruhi motivasi mereka dibantu oleh berberapa faktor utama yang lain. Guru yang bijak menampilkkan diri mereka di hadapan pelajar adalah guru yang memahami situasi pelajar yang boleh menceriakan dan mengagresifkan suasana pembelajaran.

1.8 Metodologi Kajian

Pengkaji menggunakan berberapa pendekatan dalam pengumpulan dan penganalisisan data kajian yang dijalankan iaitu :

1.8.1 Penyelidikan perpustakaan

Penulis berusaha mendapatkan pelbagai jenis bahan rujukan daripada perpustakaan untuk mengumpul dan menganalisis maklumat-maklumat yang berkaitan dengan kajian. Berberapa buah perpustakaan menjadi tempat rujukan pengkaji untuk mendapatkan bahan-bahan rujukan yang ada hubungkait dengan topik kajian. Perpustakaan yang terlibat ialah:

1. **Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Kuala Lumpur.**
2. **Perpustakaan Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.**
3. **Perpustakaan Pendidikan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.**
4. **Perpustakaan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.**
5. **Perpustakaan Peringatan Zaaba, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.**
6. **Perpustakaan Yayasan Sarawak, Kuching, Sarawak.**
7. **Pusat Dokumentasi Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP), Kementerian Pendidikan Malaysia, Pusat Bandar Damansara, Kuala Lumpur.**

1.8.2 Penyelidikan lapangan

i. Temu bual / wawancara

Dalam menjalankan kajian, pengkaji juga mendapatkan data melalui wawancara dengan memilih 3 orang guru yang berpengalaman luas dalam pengajaran bahasa Arab. Seorang guru bahasa Arab dari Kolej Islam Sultan Alam Shah (KISAS), Klang, Selangor, Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Maahad Hamidiah, Kajang, Selangor dan seorang guru cemerlang yang terlibat dalam pengajaran bahasa Arab di Sekolah

Menengah Kerajaan Agama Sheikh Haji Othman Abdul Wahab, Kuching, Sarawak. Teknik wawancara atau temubual adalah untuk :

1. Mengetahui latar belakang serta sifat dan personaliti yang ditonjolkan oleh guru semasa proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di SMKA SHOAW.
2. Membuat gambaran tentang perbezaan antara suasana dan tanggapan pengkaji sewaktu berada di luar kajian dan sewaktu berada di dalamnya. Secara khususnya, pengkaji dapat mengkaji personaliti dan tingkah laku guru yang sepatutnya ditonjolkan semasa proses pengajaran memfokuskan kepada subjek bahasa Arab.
3. Memperolehi maklumat tentang sejauh manakah hubungan antara penonjolan personaliti guru dengan corak tingkah laku murid yang boleh mempengaruhi minat mereka dalam subjek bahasa Arab.

ii. Kajian kes (Soal selidik)

Kajian ini menggunakan soal selidik sebagai kaedah utama. Borang soal selidik diedarkan ke Sekolah Menengah Kerajaan Agama Sheikh Haji Othman Abdul Wahab iaitu salah sebuah sekolah agama di Kuching, Sarawak. Sekolah yang menjadi latar kajian ini merupakan sekolah yang terletak kira-kira 14 kilometer dari bandar Kuching. Seramai 7 orang responden yang terdiri daripada guru yang mengajar mata pelajaran

bahasa Arab tingkatan satu dan dua dan seramai 240 orang responden pelajar yang terdiri daripada pelajar tingkatan satu dan dua yang dipilih secara rawak daripada 348 pelajar tingkatan satu dan dua dijadikan sampel yang akan menjawab soalan soal selidik.

Daripada laporan yang dibuat dapat dirumuskan 3 perkara utama iaitu latar belakang guru (responden kajian) dan pelajar, sifat dan personaliti guru yang ditonjolkan dalam proses pengajaran dan kaitan perwatakan guru dengan pencapaian akademik pelajar serta pandangan dan saranan responden. Kerjasama responden telah memberi sumbangan yang besar dalam kajian dan soal selidik ini seterusnya memperkuuhkan teknik temubual dan pembacaan.

Penulis memilih SMKA SHOAW sebagai subjek kajian kerana sekolah tersebut merupakan sekolah menengah kerajaan agama yang tertua atau perintis di negeri Sarawak dan keputusan peperiksaan awam serta pencapaian prestasi dalam subjek bahasa Arab boleh menggambarkan atau menunjukkan prestasi sebenar bagi keseluruhan pelajar sekolah agama di negeri Sarawak. Selain itu, pengkaji sendiri merupakan bekas pelajar di sekolah berkenaan.

Responden diberi tempoh 30 hari untuk menjawab borang soal selidik agar tidak menganggu tugas responden dan mereka mempunyai masa yang mencukupi untuk melengkapkan borang soal selidik tersebut.

Subjek kajian berpandukan soal selidik terbahagi kepada tiga bahagian iaitu ;

- a. Mengenai personaliti dan perwatakan guru menurut pandangan pelajar yang terdiri daripada fleksibiliti (mudah lentur), pemilihan kaedah yang sesuai dengan perancangan mengajar, tegas, bertanggungjawab, bijaksana dan berbudi bicara, kepimpinan, suara dan pakaian, ramah mesra, kawalan emosi yang tinggi serta menyukai kanak-kanak. Setiap item dipecahkan kepada tiga sub-item yang kecil.
- b. Item-item untuk mendapatkan maklumat dari guru bahasa Arab menengah rendah seperti maklumat tentang jantina, kelulusan, pengkhususan, kursus dalam perkhidmatan yang berkaitan dengan subjek bahasa Arab, kenapa memilih mata pelajaran bahasa Arab dan pemilihan teknik pengajaran .
- c. Mengenai pelajar yang terdiri daripada 4 item yang mencungkil tingkah laku pelajar, penyertaan dan respon, kesediaan serta tumpuan pelajar. Setiap item dipecahkan kepada tiga sub-item yang kecil.

iii. Pemerhatian pengajaran

Tujuan pemerhatian dijalankan adalah untuk melihat situasi sebenar proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Ini adalah penting untuk mengelakkan sebarang kekeliruan dan salah tanggapan pengkaji kerana pengkaji berada di luar ruang lingkup suasana yang sebenar.

1.9 Rangka Kajian

Bab pertama terdiri daripada pengenalan, yang membahaskan tentang pendahuluan, kepentingan kajian, tujuan kajian, batasan kajian, pernyataan masalah, definisi istilah. Dalam definisi istilah pengkaji menghuraikan maksud personaliti guru, pelajar, menengah dan Bahasa Arab Komunikasi. Latar belakang bahasa Arab di Sekolah Menengah Kebangsaan, tinjauan kajian berkaitan serta metodologi kajian juga turut dijelaskan di mana penyelidikan perpustakaan serta penyelidikan lapangan yang melibatkan temu bual/wawancara, soal selidik dan pemerhatian digunakan, disusuli dengan rangka kajian.

Dalam bab kedua, pengkaji memfokuskan tentang personaliti dengan mengemukakan berberapa teori personaliti di samping pengaruh serta hubungannya dengan corak tingkah laku pelajar, sifat guru yang disukai dan dibenci oleh murid. Bab ini juga membincangkan pengaruh motivasi pelajar dan faedah serta teknik dalam meningkatkan motivasi dalam pembelajaran serta kualiti kemahiran guru dalam bilik darjah.

Bab ketiga pula pengkaji membincangkan tentang peranan institusi dalam proses pemantapan pengajaran dan pembelajaran bahasa secara umum seterusnya peranan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Sheikh Haji Othman Abdul Wahab (SHOAW) dalam penerapan dan pemantapan bahasa Arab di negeri Sarawak. Tujuan penubuhan, falsafah dan sejarah hidup SHOAW juga dimuatkan diikuti dengan pencapaian pelajar dalam bahasa

Arab dalam Penilaian Menengah Rendah (PMR), metodologi dan pendekatan pengajaran Bahasa Arab Komunikasi, buku teks dan guru juga turut disentuh.

Sementara dalam bab keempat, pengkaji membincangkan analisis dan hasil kajian yang mengandungi maklum balas responden iaitu pandangan pelajar terhadap personaliti guru, pandangan guru terhadap tingkah laku pelajar semasa proses pengajaran bahasa Arab, latar belakang akademik guru bahasa Arab di SMKA SHOAW dan disimpulkan dengan saranan dan cadangan tersponden.

Bab kelima merupakan bab yang terakhir di mana pengkaji menjelaskan ringkasan hasil kajian tentang pandangan pelajar terhadap personaliti guru dan pandangan guru terhadap tingkah laku pelajar. Seterusnya pengkaji merumuskan keseluruhan kajian dan hasil daripada kajian yang telah dijalankan. Beberapa cadangan telah dikemukakan untuk memantapkan lagi keberkesanan pengajaran bahasa Arab terutamanya Bahasa Arab Komunikasi di negeri Sarawak.

Kesimpulan

Masalah penguasaan bahasa Arab di kalangan pelajar Melayu diperbincangkan dengan meluas oleh pelbagai pihak di Malaysia. Namun kalau dilihat terhadap penguasaan bahasa ini di kalangan pelajar bangsa lain, didapati ia lebih cepat dan baik serta tempoh penguasaan mereka adalah lebih singkat.

Sehubungan dengan itu, para guru kebelakangan ini sering dikecam kerana gagal memainkan peranannya yang berkesan dalam pendidikan terutama memupuk minat dan motivasi yang progresif terhadap subjek bahasa kedua khususnya bahasa Arab di kalangan murid-murid. Minat dan keinginan yang hampir hilang daripada jiwa mereka untuk mempelajari bahasa Arab dengan serius dan optima tidak boleh dibiarkan terus berlanjutan.

Sebagai seorang guru yang merupakan individu yang memikul tanggungjawab yang bukan sedikit, mereka perlu mengetengahkan diri kepada masyarakat pelajar dengan personaliti yang diharapkan agar ia bersesuaian dengan kehendak, situasi, realiti dan motivasi diri pelajar. Ini boleh menjamin peningkatan dan kecemerlangan prestasi pelajar dari segi akademik.

Kajian tentang kaitan sifat dan personaliti guru dengan minat dan motivasi pelajar dalam subjek bahasa Arab adalah penting terutamanya di negeri Sarawak . Ini kerana pengkaji mendapati ia belum dibuat setakat ini. Pengkaji berharap agar kajian ini akan dapat dimanfaatkan untuk semua pihak yang terlibat dalam pendidikan bahasa Arab di negeri Sarawak.